

Dr. Mahathir dukacita bilik

UM 8

JAN 2002

KUALA LUMPUR 7 Jan. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dukacita dengan kejadian pencerobohan bilik gerakan pilihan **raya** Wanita Barisan Nasional (**BN**) di Perlis oleh **lapan** pelajar **pusat** pengajian tinggi yang berkempen **bagi** pihak pembangkang, **malam** kelmarin:

Perdana Menteri berkata, kejadian itu tidak **sepatutnya** berlaku kerana kerajaan pernah menasihatkan pelajar-pelajar supaya tidak **melibatkan** diri dalam politik.

“Apatah lagi politik mencerooboh seperti **ini**, mereka membuat sesuatu yang mereka tahu adalah **salah**, sepatutnya mereka tidak **terlibat**,” katanya.

Beliau bercakap **pada** sidang media selepas **melancar-**Ban Majlis **Perdana** Perkhidmatan Awam Ketiga (**MAP-PA 111**) di Institut Tadbiran Awam (**INTAN**), **Bukit** Kiara dekat **sini** hari **ini**.

Dr. Mahathir mengulas **penangkapan lapan** pelajar **pusat** pengajian tinggi termasuk dua pelajar perempuan

gerakan' BN dioeroboh

yang mengaku penyokong **parti** pembangkang kerana mengintip bilik gerakan pilihan **raya** Wanita UMNO di **Taman** Perlis, Kangar, **malam** kelmarin.

Kesemua pelajar itu yang berusia antara 20 hingga 23 **tahun** menuntut di Universiti Teknologi Malaysia (**UTM**), Skudai, Kolej Universiti Institut Teknologi Tun Hussein Onn (**KUiTTHO**), Batu **Pahat** dan Universiti Sains **Malaysia** (**USM**).

Menurut Ketua Polis Daerah Kangar, Supritendan

Din **Ahmad**, tujuh daripada yang ditahan itu akan **di-**dakwa di bawah Seksyen 44 Kanun Keseksaan kerana **mencerooboh** manakala dua **lagi** akan didakwa di bawah **Seksyen 25** Akta **Pendaftaran** kerana tidak membawa kad pengenalan.

Pengerusi Barisan Nasional (**BN**) Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim berkata, pelajar-pelajar itu dipercayai mencerooboh untuk mendapatkan maklumat mengenai persiapan jentera pilihan **raya kecil Dewan** Undangan Negeri Indera Kayangan, 19 Januari **ini**.